

Istikharahlah, kerana musuh perkara terbaik ialah perkara yang baik

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2012 (029644) |

• MOTIVASI • FARDU AIN •

ISU No. 42

# PASRAH DENGAN ISTIKHARAH

Bagaimana seharusnya sikap kita apabila berdepan dengan dua perkara yang hukumnya sama-sama harus, sama-sama baik, dan sama-sama bermanfaat, tetapi kita hanya boleh memilih hanya satu?



**Apa Legasi Kita?** 96

**Gambar Kita, Tanggungjawab Kita** 52

**Barah Rasuah** 12

**Kahwin Kobo** 76

**Solat Bersama Jin** 92


**AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS**  
(Incorporated in Malaysia)

|                |    |                |
|----------------|----|----------------|
| ISSN 1985-5400 | >  | RM 10.00 (SEM) |
|                | 42 | RM 12.00 (S/S) |
|                |    | SGD 7.50       |
|                |    | BND 7.50       |
|                |    | USD 10.00      |
|                |    | EUR 8.00       |
|                |    | IDR 35,000.00  |
|                |    | AUD 7.50       |

9 771985 540003

TELAGA BIRU SDN. BHD.





# Model Musyawarah

## Rasulullah s.a.w.


“Aku tidak pernah melihat seorang pun yang selalu mengajak para sahabat bermusyawarah (berbincang), kecuali Rasulullah.”  
(Riwayat al-Hakim)

**R**asulullah s.a.w. seorang yang terkenal dengan kebijaksanaannya menguruskan pelbagai perkara; daripada sekecil-kecil urusan rumah tangga hinggalah sebesar-besar perkara seperti urusan pemerintahan.

Namun, Rasulullah s.a.w. tidak pernah mengangap kejayaan yang dikecap adalah hasil usaha Baginda semata-mata, sebaliknya ia adalah satu kejayaan yang terhasil daripada musyawarah (perbincangan) bersama.

Inilah salah satu ciri-ciri asas kepimpinan yang diamalkan oleh Baginda dalam keluarga dan organisasi yang dipimpin.

### 1. Model Musyawarah dalam Keluarga





## 1. Model Musyawarah dalam Keluarga

### a) Kikis ego

Di sebalik kejayaan seorang suami atau bapa ialah ahli keluarga yang sentiasa menyokong dan membantunya. Tanpa sokongan ahli keluarga terutamanya isteri, kemungkinan ketua keluarga akan rebah di tengah jalan. Setiap suami atau bapa perlu mengetepikan egonya dan sentiasa berbincang dengan ahli keluarga dalam membuat keputusan, mencari idea atau menyelesaikan masalah, sama ada perkara yang berkaitan dengan keluarga, jiran atau masyarakat. Perbincangan yang dilakukan adalah untuk mencari kata sepakat agar masing-masing berpuas hati dengan keputusan bersama.

Oleh sebab itu, sekiranya ada anggota keluarga yang mengalami masalah terutamanya suami atau bapa, boleh meminta pandangan daripada isteri atau anak-anak. Perkara ini pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. tatkala kali pertama Baginda bertemu Jibrail di Gua Hira'. Setelah pulang ke rumah, Baginda s.a.w. menceritakan peristiwa yang dialaminya kepada isteri tersayang; Sayidatina Khadijah r.h.a. Kemudiannya, beliau mencadangkan agar Nabi s.a.w. berjumpa dengan bapa saudaranya iaitu Waraqah bin Nawfal. Nabi s.a.w. bersetuju, lalu berjumpa dengan Waraqah.

Lihatlah bagaimana Sayidatina Khadijah memberikan dorongan dan semangat, menghiburkan serta mengingatkan Baginda tentang sifat-sifat terpuji yang Allah kurmikan kepada Baginda. Selain itu juga kita dapat lihat, walaupun Baginda seorang ketua keluarga, namun masih menerima pandangan isterinya.

### b) Raikan pandangan

Setiap ahli keluarga tidak pernah dihalang untuk memberikan pendapat, idea dan komen dalam menyelesaikan sesuatu masalah rumah tangga. Oleh sebab itu, pandangan dan cadangan daripada setiap anggota keluarga harus diraikan oleh seorang suami atau ayah, kerana ada kemungkinan pandangan yang diberikan lebih baik daripada pandangan kita sendiri.

### c) Penuh kasih sayang

Musyawarah yang dikendalikan oleh Rasulullah s.a.w. berlaku dalam suasana yang penuh harmoni. Baginda tidak meninggikan suara apabila berbincang dengan isterinya, sebaliknya berbincang dalam situasi yang kondusif.

Isteri-isteri berasa selesa ketika memberikan pendapat kerana Baginda tidak menolaknya mentah-mentah, walaupun kadangkala ia tidak sesuai atau praktikal.



## 2. Model Musyawarah dalam Organisasi

Sebaliknya, Baginda memberikan dorongan dan tidak mematahkan semangat mereka untuk mengemukakan pandangan.

### d) Menghargai sumbangan

Rasulullah s.a.w. sering menghargai sumbangan yang diberikan oleh ahli keluarganya terutamanya isteri-isteri Baginda. Namun, penghargaan yang diberikan tidak semestinya dengan barang perhiasan atau sesuatu yang bersifat kebendaan.

Baginda mengiktiraf setiap pandangan yang diberikan. Isteri mana yang tidak gembira apabila pandangannya diterima dan dilaksanakan oleh suaminya. Bahkan menerima ucapan tahniah turut mengundang kegembiraan apabila pandangan tersebut membawa hasil dan kejayaan.

## 2. Model Musyawarah dalam Organisasi

Kebanyakan cadangan seorang pemimpin ditolak bukan disebabkan cadangan itu tidak baik, tetapi disebabkan cadangan itu tidak dibincangkan terlebih dahulu dengan pihak yang terlibat. Inilah prinsip yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. apabila Baginda ingin membuat sesuatu keputusan yang besar, maka bermusyawarah adalah platform untuk mendapatkan pelbagai idea dan pendapat.

### a) Tidak membuat keputusan terburu-buru

Baginda s.a.w. tidak terburu-buru dalam membuat sesuatu keputusan kerana Baginda percaya bahawa keputusan bersama lebih hebat dan tepat.

### b) Tidak bermatimatian mempertahankan cadangan sendiri

Apabila Rasulullah s.a.w. mempunyai sesuatu cadangan, Baginda akan membentangkannya terlebih dahulu. Ini bermaksud, pandangan Baginda bukanlah

### Rasulullah Meraikan Pandangan Isteri

Dalam peristiwa Perjanjian Hudaibiyah, sebahagian orang Islam yang tidak berpuas hati dan menganggap perjanjian tersebut berat sebelah kerana ia menguntungkan orang kafir Quraisy. Oleh sebab itu, ketika Rasulullah s.a.w. memerintahkan mereka untuk menyembelih binatang, mereka enggan melakukannya.

Keengganan tersebut menyebabkan Rasulullah agak kecewa dan berjumpa isterinya; Ummu Salamah untuk meminta pandangan beliau.

"Ummu Salamah berkata: 'Wahai Nabi Allah, adakah tuan suka keadaan tersebut berterusan begitu? Keluarlah dan jangan bercakap dengan sesiapa pun walaupun sepatah perkataan. Kemudian, sembelihlah binatang yang dibawa oleh tuan. Panggillah tukang cukur dan suruhlah dia mencukur rambut tuan.' Rasulullah s.a.w. melakukan sebagaimana yang disarankan."

Melihat perbuatan Rasulullah s.a.w. itu, orang Islam mula menyembelih binatang yang dibawa dan bercukur rambut antara satu sama lain." (Riwayat al-Bukhari no. 2529)

#### Pengajaran daripada hadis ini:

- Rasulullah s.a.w. turut melibatkan isterinya dalam perbincangan menyelesaikan satu masalah negara.
- Rasulullah mengetepikan ego seorang suami, dengan menerima pandangan dan cadangan isterinya.



satu cadangan yang muktamad, sebaliknya ia adalah satu rancangan yang bersifat tentatif sahaja. Cadangan tersebut masih boleh dipinda dan dibuka untuk perbincangan. Baginda bukanlah seorang pemimpin autokratik yang membuat keputusan sendiri tanpa melibatkan para sahabat dan orang di bawah pimpinannya.

Sebagai contoh, dalam peperangan Uhud, setelah berita mengenai kemaraan tentera Quraisy sampai kepada umat Islam, Baginda s.a.w. telah mengadakan satu perbincangan ketenteraan bagi membincangkan perancangan dan strategi terbaik yang bakal diambil bagi menghadapi musuh yang semakin mara untuk menghancurkan umat Islam.

Dalam musyawarah tersebut, Baginda telah memberikan cadangan berikut:

#### **Cadangan 1: Tidak keluar dari kota dan bertahan sahaja di Madinah.**

Rasional: Apabila orang Musyrikin masuk ke kota Madinah, mereka akan diperangi oleh tentera Islam di segenap lorong yang sempit. Manakala golongan wanita pula akan menentang dari atas bumbung rumah.

Baginda tidak bertegas dengan cadangan yang diutarakan itu, sebaliknya membuka peluang kepada para sahabat memberikan pendapat lain. Ketika perbincangan berlangsung, sekumpulan sahabat yang diketuai oleh Hamzah bin Abdul Motalib telah memberikan cadangan sebaliknya, seperti berikut:

#### **Cadangan 2: Keluar dari kota Madinah.**

Rasional: Agar tentera musuh tidak menganggap tentera Islam sebagai pengecut.

Ketika membahaskan cadangan ini, Sayidina Hamzah berkata: "Demi yang menurunkan al-Kitab kepadamu, aku tidak akan menjamah makanan melainkan setelah aku libas mereka dengan pedangku ini di luar Madinah." (Ibn Burhan al-Din, *al-Sirah al-Halabiyah*, jil. 2, hlm. 14)

Setelah kedua-dua cadangan ini dibentangkan dan dibahaskan, persetujuan bersama telah dicapai. Rasulullah s.a.w.



**Mohd Azrul Azlen Abd Hamid**

Lulusan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Ijazah Sarjana (MA) dalam bahasa Arab juga di UIAM, dan menyambung pengajian peringkat Ph.D di Universiti Malaya. Kini sebagai pensyarah di UIAM. Berpengalaman dalam bidang motivasi dan kepimpinan dan aktif dalam penerbitan buku. Boleh dihubungi di: mohdazrulazlan@gmail.com.

menerima cadangan majoriti iaitu bertemu musuh di luar kawasan Madinah.

#### **c) Tidak menolak terus mana-mana idea**

Rasulullah s.a.w. tidak terus menolak idea-idea yang disampaikan oleh para sahabat walaupun pada mulanya kelihatan seperti tidak sesuai ataupun tidak praktikal. Baginda percaya, penolakan idea tanpa dibincangkan terlebih dahulu akan mematikan semangat orang yang memberikan idea tersebut. Oleh kerana itu, Baginda sering menggalakkan para sahabat dan rakyat di bawah pemerintahan Baginda untuk mengemukakan pendapat atau idea.

Sebagai contoh, sebelum bermulanya perang Khandaq, Baginda bersama-sama para sahabat telah berbincang tentang strategi pertahanan untuk mempertahankan kota Madinah. Baginda membuka peluang kepada para sahabat untuk mengemukakan idea dan pendapat. Ketika itu, Salman al-Farisi r.a. mencadangkan agar mempertahankan kota Madinah dengan menggali parit mengelilinginya.

Setelah mengadakan sidang rundingan, Rasulullah s.a.w. dan para sahabat telah bersepakat untuk menerima idea, pengalangan dan kepakaran Salman. Selepas itu, Rasulullah s.a.w. telah mengarahkan kepada setiap 10 orang lelaki supaya menggali parit seluas 40 hasta.

#### **d) Menghargai Sumbangan**

Rasulullah s.a.w. sering menghargai sumbangan para sahabat dan tentera-tenteranya melalui pujian dan doa. Sebelum bermulanya peperangan Badar, Rasulullah s.a.w. mengadakan sidang perbincangan ketenteraan peringkat tertinggi. Di sini, Baginda s.a.w. bertukar-

tukar pendapat dengan semua anggota tentera serta para pimpinannya. Ketika itu, Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, al-Miqdad bin 'Amru dan Sa'ad bin Mu'adh memberikan pandangan masing-masing.

Rasulullah s.a.w. amat gembira dengan pandangan tersebut, lalu memuji dan menyoal kebaikan untuk mereka.

#### **Aplikasi Model Musyawarah Rasulullah s.a.w. dalam Kehidupan**

Berdasarkan analisis terhadap model musyawarah yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam institusi kekeluargaan dan pemerintahan negara, kita boleh mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Bagaimana caranya?

i. Tidak membuat sesuatu keputusan secara terburu-buru. Berbincanglah terlebih dahulu.

ii. Mengikis sikap ego terlebih dahulu sebelum memulakan perbincangan.

iii. Tidak mementingkan pendapat kita sendiri, sebaliknya cuba meraiikan setiap pandangan yang diberikan oleh anggota keluarga atau ahli organisasi.

iv. Mencatatkan semua cadangan yang dikemukakan dan dibentangkan untuk perbincangan.

v. Tidak menolak mana-mana idea yang diberikan secara melulu. Sebaliknya, amati dan kaji dengan teliti idea-idea yang diberikan.

vi. Sekiranya keputusan telah diperoleh, tolaklah idea-idea lain yang dikemukakan dengan cara yang baik dan betul.

vii. Hargailah sumbangan yang diberikan oleh ahli keluarga atau organisasi kerana mereka telah berusaha sedaya upaya memberikan pendapat untuk kejayaan sesebuah keluarga atau organisasi. Pujian atau hadiah adalah salah satu cara untuk anda menghargai mereka. **S**

